

**LAPORAN**

**CADANGAN REKABENTUK DALAMAN**

**RUANG PAMERAN KERETA HONDA DI LOT 189**

**JALAN SULTAN ISKANDAR SHAH 32500 IPOH**

**PERAK**

**OLEH**  
**MOHD AZMAN BIN ALIAS**  
**2003125950**

**JABATAN SENIBINA DALAMAN**  
**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**CAWANGAN PERAK.**

**OKTOBER 2006**

## **ABSTRAK**

Pembentukan sebuah rekabentuk adalah berdasarkan apa yang dilihat, apa yang dikaji serta penelitian tajam bagi menghasilkan suatu rekabentuk yang berjaya. Ia haruslah dilihat dari pelbagai aspek sama ada aspek luaran ataupun dalaman. Penggunaan elemen-elemen yang sesuai amat penting dalam penghasilan sesuatu projek bagi mendapatkan ketepatan konsep yang ingin ditonjolkan. Ini adalah kerana dengan menggunakan cara ini, sesebuah rekabentuk itu dapat dihasilkan dengan sempurna. Ruang pameran kereta ini ditubuhkan bagi memberi imej tersendiri kepada Honda yang diketahui selaku salah sebuah jenama kereta terulung di dunia. Penubuhan ruang pameran sebegini akan dapat memperlihatkan kekuatan Honda itu sendiri dan sekaligus menjadikan produk ini terus kekal terkenal di Malaysia sekaligus di mata dunia. Penubuhan rekabentuk ruang pameran ini membolehkan penduduk di Ipoh mahupun negeri Perak ini dapat mengenali dengan lebih dekat produk-produk jenama Honda ini seterusnya dapat meningkatkan jualan kereta-kereta tersebut.

**PENGHARGAAN  
ABSTRAK  
ISI KANDUNGAN**

**i  
iii  
iv-v**

**ISI KANDUNGAN**

<b>BAB 1.0</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>1.1</b>	<b>Pengenalan Penyelidikan</b>	<b>3</b>
1.1.1	Objektif	3
1.1.2	Misi	4
1.1.3	Isu	5
1.1.3	Metodologi	9
<b>1.2</b>	<b>Pelanggan</b>	<b>11</b>
1.2.1	Sejarah Honda	11
1.2.2	Sejarah Soichiro Honda	13
1.2.3	Latar Belakang Pelanggan	15
1.2.4	Carta Organisasi	17
1.2.5	Logo dan Alamat Pejabat	19
<b>BAB 2.0</b>	<b>Pengenalan Projek</b>	<b>20</b>
<b>2.1</b>	<b>Skop Kerja</b>	<b>21</b>
<b>2.2</b>	<b>Kajian Kes Pertama</b>	<b>22</b>
2.2.1	Pengenalan	22
2.2.2	Rekabentuk Dalaman	23
2.2.3	Kemudahan yang Disediakan	26
<b>2.3</b>	<b>Kajian Kes Kedua</b>	<b>28</b>
2.3.1	Pengenalan	28
2.3.2	Rekabentuk Dalaman	29
<b>2.4</b>	<b>Analisa Tapak</b>	<b>32</b>
2.4.1	Pengenalan pada Projek	32
2.3.1a	Pelan Kunci	34
2.3.1b	Pelan Lokasi	35
2.4.2	Kajian Tapak	36
2.3.2a	Orientasi Pencahayaan & Pengudaraan	36
2.3.2b	Bangunan Persekitaran	37
2.3.2c	Kemudahan Persekitaran	42
<b>2.5</b>	<b>Analisa Bangunan</b>	<b>45</b>
2.5.1	Lukisan Tapak Projek	45
2.5.2	Pengenalan pada Bangunan	47
2.5.3	Kemudahan Bangunan	48
2.5.4	Pandangan Bangunan	52
2.5.4a	Pandangan Luaran	52

	2.4.4b	Pandangan dalaman	57
<b>2.6</b>		<b>RUMUSAN</b>	<b>62</b>
	2.6.1	POTENSI DAN KEBAIKAN	62
		2.6.1a Luaran bangunan	62
		2.6.1b Dalaman bangunan	62
	2.6.2	KEBURUKAN	64
<b>BAB 3.0</b>		<b>CADANGAN REKABENTUK</b>	<b>65</b>
<b>3.1</b>		<b>KONSEP REKABENTUK</b>	<b>66</b>
	3.1.1	ZONING DAN BUBBLE DIAGRAM	66
	3.1.2	KONSEP	69
	3.1.3	IMEJ	71
<b>3.2</b>		<b>PERANCANGAN RUANG</b>	<b>75</b>
	3.2.1	RUANG PERIBADI	75
	3.2.2	RUANG UMUM	76
<b>3.3</b>		<b>PENGGUNAAN BAHAN DAN KEMASAN</b>	<b>77</b>
<b>3.4</b>		<b>PENCAHAYAAN DAN PENGUDARAAN</b>	<b>81</b>
<b>3.5</b>	3.4.1	PENCAHAYAAN	81
	3.4.2	PENGUDARAAN	81
<b>3.6</b>		<b>LUKISAN CADANGAN</b>	<b>82</b>
<b>3.7</b>		<b>KESIMPULAN</b>	<b>90</b>
<b>BAB 4.0</b>		<b>KESIMPULAN</b>	<b>91</b>
<b>BAB 5.0</b>		<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>92</b>
<b>LAMPIRAN</b>			

## 1.0 Pengenalan

Industri permotoran adalah salah sebuah industri yang popular dan paling pesat berkembang di seluruh dunia pada masa ini. Industri automotif ini bermula pada tahun 1885 lagi dan ketika itu kereta yang dihasilkan dijanakan dengan kuasa gasoline. Sebelum bermulanya industri ini kereta telah mula dicipta pada 1678 lagi dengan menggunakan kuasa stim tetapi tidak diperkenalkan kepada umum dengan meluasnya. Sehingga kini pembuatan kereta ini telah diperkenalkan dengan zaman dari awal pembuatannya hingga hari ini. Antaranya ialah 'era of invention', 'veteran era', 'brass era', 'vintage era', 'post-war era' dan 'modern era'.

'Era of invention' ini bermula pada kurun ke 17. Bagi 'veteran era' pula bermula pada 1888 dan pada masa itu industri ini diperkenalkan oleh Karl Benz di Jerman dan juga Emile Roger di Perancis. Karl Benz yang dilahirkan pada 1844 di Jerman merupakan orang yang penting dalam industri pemotoran ini ketika itu. Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab mencipta enjin yang menggunakan '4 stroke' bagi kereta. 'Brass era' pula bermula pada 1901 iaitu sebelum berlakunya perang dunia pertama pada 1914. Era ini berlaku di United State of America dan juga dikenali sebagai 'Edwardian era'. Antara produk kereta yang telah dikeluarkan pada masa itu ialah Ford Model T dan Bugatti Type 13. 'Vintage era' pula berlaku selepas tamatnya perang dunia pertama iaitu pada tahun 1919. Pada era ini, enjin kereta semakin banyak dikeluarkan antaranya jenis V8, V12, V16 dan kereta telah mula dicipta dengan pelbagai bentuk.